

PENGECUALIAN CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT) UNTUK PELUPUSAN SEMUA JENIS HARTANAH OLEH SEMUA PIHAK

Langkah 65 Strategi Baru Ke Arah Merangsang Pertumbuhan Ekonomi Negara

Soalan Sentiasa Ditanya

S. Bilakah pengecualian CKHT berkuatkuasa?

J. Pengecualian CKHT diberi ke atas pelupusan hartanah yang dibuat mulai 1 Jun 2003 hingga 31 Mei 2004.

S. Bagaimanakah pengecualian CKHT ini dikuatkuasakan?

J. Melalui Perintah Cukai Keuntungan Harta Tanah (Pengecualian) (No. 2) 2003 [P.U. (A) 170] yang dikeluarkan di bawah Sekyen 9(3) Akta CKHT, 1976.

S. Bagaimana dapat saya membuktikan pelupusan hartanah?

J. Umumnya, perjanjian jual beli hartanah adalah mencukupi. Perjanjian jual beli hartanah ini perlu ditandatangani dan disetemkan dalam tempoh pengecualian CKHT.

S. Pengecualian CKHT ini diberi untuk siapa?

J. Kepada semua orang perseorangan di Malaysia.

S. Adakah ini termasuk juga warga asing yang memiliki hartanah di Malaysia?

J. Ya. Pengecualian CKHT ini diberi juga kepada bukan warga negara dan bukan pemastautin tetap di Malaysia.

S. Adakah pengecualian CKHT ini diberi bagi pelupusan hartanah yang dimiliki oleh sebuah syarikat bukan pemastautin di Malaysia?

J. Ya.

S. Bagaimana dengan hartanah sebuah syarikat yang dilupuskan kepada sebuah syarikat kaitan yang lain?

J. Ya, pengecualian CKHT diberi juga bagi pelupusan seumpama ini.

S. Sekiranya saya membeli sebuah hartanah pada bulan Mei 2003 dan menjualnya pada bulan Jun 2003, adakah anda bermaksud bahawa saya tidak akan dikenakan CKHT?

J. Ya. Yang penting bukannya bila anda membeli hartanah berkenaan, tetapi bila anda menjual hartanah tersebut sama ada pelupusan itu dibuat dalam tempoh pengecualian CKHT diberi atau tidak.

S. Adakah seseorang perlu mengistiharkan penjualan hartanah walaupun CKHT telah dikecualikan?

J. Ya. Pengecualian CKHT tidak akan melepaskan anda daripada tanggungjawab untuk mengemukakan penyata atau maklumat mengenai pelupusan hartanah. Ini boleh dibuat dengan mengisi dan mengemukakan **Borang CKHT 1** dalam tempoh 30 hari dari tarikh pelupusan hartanah dibuat.

S. Bagaimana boleh saya memohon pengecualian CKHT?

J. Anda tidak perlu memohon pengecualian CKHT. Anda hanya perlu mengemukakan penyata dalam masa 30 hari dari tarikh pelupusan hartanah dibuat. Penyata ini dibuat dengan mengisi **Borang CKHT 1** yang boleh didapati di mana-mana cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri. Sekiranya penjualan hartanah anda dibuat dalam tempoh pengecualian, nyatakan nombor perintah pengecualian CKHT iaitu Perintah No.2 tahun 2003.

S. Siapakah yang saya boleh hubungi untuk mendapat maklumat lanjut mengenai pengecualian CKHT?

J. En. Mohd Nashoha Bin Mohd. Amin Tel: 03-6201 2193
Puan Nik Melini Bt. Nik Sulaiman Tel: 03- 62012190